

Industri perfileman di Malaysia mempunyai potensi yang boleh dibanggakan walaupun kadangkala pasang surut purata keuntungan kutipan filem bergantung kepada peralihan semasa.

Kita sudah lali rakyat Malaysia acap kali disajikan dengan genre filem berunsurkan gengsterisme, kisah cinta dan seram hasil penerbit filem antarabangsa.

Pernahkah kita terfikir, filem di Malaysia jauh lebih hebat berbanding filem luar negara. Tapi, apa yang sangat menyedihkan apabila bangsa kita lebih mengagungkan filem luar daripada tempatan.

Kenapa tidak kita naikkan filem Malaysia agar lebih setaraf dengan filem luar negara, bak kata pepatah: 'Berdiri sama tinggi, duduk sama rendah'.

Jika kita lihat filem di negara ini, kebanyakan filem yang dihasilkan semuanya bermutu tinggi.

Filem yang diterbitkan,

Filem kita lebih hebat

■ Produk Barat walaupun tinggi teknologinya namun penuh elemen negatif

akan ditapis terlebih dulu oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF), sebelum ditayang di khalayak ramai.

Bahkan filem Malaysia lebih terjurus ke arah filem berbentuk komedi, ketimuran, romantik dan kadangkala berintipatikan isu semasa dan sesuai ditonton bagi semua peringkat umur.

Filem luar negara pula lebih dikagumi warga tempatan kerana filem yang dihasilkan menggunakan teknologi moden.

Namun hakikatnya, mereka mahu filem itu dapat menyampaikan identiti budaya mereka yang memaparkan elemen pergaulan bebas.

Filem berkenaan antara propaganda halus bagi mempengaruhi masyarakat

dunia terutama umat Islam.

Jelas, filem negara luar memaparkan unsur negatif yang mampu mengubah kesan ideologi dan nilai budaya masyarakat Timur.

Kajian di Malaysia menunjukkan beberapa elemen sudah diperincikan membantu penapis filem mentakrif dan mentafsir jenis adegan perlu ditapis.

Antaranya adegan polis yang mengandungi unsur keganasan orang ramai.

Adegan seperti ini hendaklah diteliti supaya tidak memaparkan kepakaran atau kaedah baru menggunakan sebarang senjata, sa-

ma ada untuk menyerang atau mempertahankan diri.

Pembikinan sesebuah filem bergantung kepada tujuan ia dibikin. Sekiranya diusahakan produksi individu atau korporat berasaskan untung atau rugi perniagaan, mungkin elemen itu kurang dititikberatkan.

Tetapi seandainya dibikin kerajaan misalnya FINAS (Paloh, Embun) atau FELDA (Bilut), ia pasti ada elemen itu.

Maka, jika dilihat sekali pandang, elemen itu seakan-akan 'diabaikan' kerana majoriti filem yang diterbitkan di Malaysia bernaikmatkan nilai komersial.

Di Amerika pula, penerbitan filem mencemuh pegawai penapisan filem mereka, termasuk pemimpin agama dan nilai agama.

Sebab itu, mereka membenarkan filem mencemuh nilai dan budaya mereka sendiri sehingga Barat boleh dikatakan tidak dikuasai pemimpin agama tetapi pemimpin masyarakat yang rata-rata tidak peduli nilai dan agama mereka sendiri.

Sehubungan itu, jelas menunjukkan filem luar negara mempunyai unsur negatif yang tidak layak dipertontonkan semua peringkat umur.

Oleh itu, disarankan kepada pihak berkuasa lebih menitikberatkan jenis filem yang ingin dikeluarkan.

Sudah tentu kuasa mahu-

pun hak menyekat filem berunsur negatif relevan diberikan kepada pihak LPF ataupun mana-mana pihak bertanggungjawab dalam arena perfileman Malaysia dalam memperkaya produksi karya anak seni tempatan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa dalam masa yang sama menyumbang kepada pembiahan positif ekonomi negara.

HAMIDA OSMAN, SITI ASIAH FARUQ, FURQAN RAHIM, NORHAZMIRA HAJME, NORATIKA ADENAN DAN SABARINA MAT SAAT

Fakulti Pengajian Bahasa Utama,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai

FAKTA
Filem negara luar memaparkan propaganda halus bagi mempengaruhi masyarakat dunia terutama umat Islam